

**TEKS UCAPAN  
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH  
ABDULLAH  
PRESIDEN ANGKASA MERANGKAP  
PRESIDEN ASEAN CO-OPERATIVE  
ORGANIZATION (ACO)**

**MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN  
CSR COOPCARE ANGKASA KEPADA**

**ANGKATAN PERTAHANAN AWAM  
MALAYSIA (APM) MENERUSI JPAN  
WILAYAH PERSEKUTUAN**

**19 MAC 2024 (SELASA)  
5:30 PETANG**

**PEJABAT DAERAH PERTAHANAN  
AWAM CHERAS, JALAN PADANG  
TEBAK, 54100 KUALA LUMPUR**

---

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih pengacara majlis.

Assalamualaikum      Warahmatullahi  
Wabarakatuh dan Salam Ramadan  
Al-Mubarak

{SALUTASI      DISEDIAKAN      URUSETIA  
PROGRAM}

Datuk-Datuk/Datin-Datin/Tuan-Tuan  
dan Puan-Puan yang Dihormati  
Sekalian

---

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T. atas kurnia-Nya dapat kita bersama-sama berkumpul dalam Majlis Penyerahan Sumbangan CSR Coopcare ANGKASA Kepada Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dengan kerjasama JPAN Wilayah Persekutuan . Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi

Muhammad S.A.W. dan keluarga serta para sahabat Baginda.

2. Terlebih dahulu, terima kasih diucapkan kepada urusetia dan ANGKASA Wilayah Persekutuan atas penganjuran program ini. Terima kasih juga kepada APM kerana sudi menerima kehadiran kami pada hari

ini. Saya amat berbesar hati dan gembira kerana dapat hadir dan meraikan majlis ini bersama-sama.

3. Alhamdulillah kita semua dikurniakan kesihatan yang baik oleh Allah S.W.T untuk bersama-sama merasai nikmat beribadah di bulan penuh keberkatan ini dan rasanya

masih belum terlambat untuk saya mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa kepada para hadirin yang hadir pada hari ini.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

4. Penganjuran majlis seumpama ini sangat dituntut oleh Islam bagi



merapatkan silaturahmi dan ukhuwah sesama muslim. Program menyantuni masyarakat khususnya anggota koperasi adalah salah satu program CSR Coopcare ANGKASA untuk berkongsi kegembiraan menyambut Ramadan dengan mereka yang kurang berkemampuan.

5. Saya dimaklumkan seramai 100 orang penerima sumbangan pada hari ini terdiri daripada anggota serta anggota koperasi APM.

6. Semoga sumbangan barang keperluan harian menerusi program Barang Asas 100 (BA100) ini sedikit sebanyak mampu memberikan

keceriaan buat penerima dalam menyambut bulan Ramadan tahun ini. Sesungguhnya amalan bersedekah dan berinfak tidak akan sesekali menyebabkan harta seseorang itu semakin berkurangan, namun ia dapat memerkayakan hati, membersihkan harta, memanjangkan

usia serta melancarkan rezeki yang dikurniakan Allah SWT.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

7. Berdasarkan statistik SKM, jumlah koperasi bagi kategori Pekerja Jabatan/Agensi yang berdaftar sehingga Jun 2023 adalah sebanyak

**413 buah** koperasi dengan keanggotaan seramai **221,631 orang**, syer/yuran sebanyak **RM1.2 juta** dengan jumlah aset sebanyak **RM 3.6 juta** dan perolehan sebanyak **RM617.70 juta**.

8. Saya difahamkan APM juga mempunyai koperasi anggotanya

sendiri iaitu Koperasi Angkatan  
Pertahanan Awam Malaysia Berhad.  
Tahniah diucapkan kepada  
pengurusan tertinggi APM kerana  
bersama-sama membantu untuk  
membudayakan koperasi dalam  
masyarakat.

9. ANGKASA sebagai badan Apeks koperasi yang diiktiraf oleh kerajaan, sentiasa menggalakkan penyertaan golongan profesional, belia dan penjawat awam dalam koperasi bukan sekadar sebagai platform untuk meningkatkan ekonomi dan kebajikan anggota dan perkongsian keuntungan tetapi bertindak sebagai

penyumbang idea dan pandangan dalam memastikan gerakan koperasi berkembang dinamik dan kekal relevan dengan perkembangan sosioekonomi negara.

10. Saya juga berharap, koperasi agensi dan badan beruniform bukan sahaja menjadi platform untuk



anggota meningkatkan hubungan silaturahmi melalui aktiviti-aktiviti yang dijalankan, malah dapat meluaskan rangkaian perniagaan koperasi menerusi jalinan kerjasama strategik dengan koperasi lain. Ini adalah satu usaha bagi menjamin keuntungan koperasi seterusnya

memberikan pulangan dividen yang tinggi kepada anggota.

## **Hadirin yang Dihormati Sekalian**

11. Akhir kata, saya mengucapkan ribuan terima kasih sekali lagi kepada semua yang menjayakan program ini khususnya **ANGKASA** Wilayah

Persekutuan. Semoga bulan suci ini dapat diraikan dengan penuh semangat muhibah dan rasa rendah diri serta memperoleh keberkatanNya.

12. Sebelum mengakhiri ucapan, saya kongsiikan sebuah hadis daripada Adi bin Hatim RA, katanya

aku mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: “Jagalah diri kalian dari api neraka walaupun hanya bersedekah dengan sepotong kurma.” Hadis riwayat Al-Bukhari.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah, wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh. Terima Kasih.